

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PEMANGKU PRESIDEN UMNO DAN
PERDANA MENTERI KETIKA MERESMIKAN
PEMBUKAAN MESYUARAT PERWAKILAN
UMNO BAHAGIAN SRI GADING, BATU
PAHAT, PADA HARI SABTU, 17HB
APRIL, 1976, JAM 9.30 PAGI.

YB Encik Yusa', Ketua UMNO, Bahagian Seri Gading,
Ahli-Ahli Jawatankuasa Bahagian,
Para Perwakilan,
Saudara-saudara dan saudari hadirin sekalian.

Genap setahun yang lalu, pada hari ini, UMNO Bahagian ini telah mengadakan Mesyuarat Perwakilannya. Disebabkan pada waktu itu saya sedang berihat kerana uzur, saya telah mewakilkan YB Tan Sri Abdul Kadir Yusof untuk menyampaikan ucapan di Mesyuarat Perwakilan itu.

2. Alhamdulillah, pada hari ini dengan izin Tuhan yang Maha Kuasa, saya berpeluang untuk hadir sendiri dalam Mesyuarat Perwakilan

ini. Oleh yang demikian, saya sesungguhnya amat bersyukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, saya telah dapat hadir bersama-sama di tengah-tengah saudara sekalian.

3. Mesyuarat kali ini ialah yang kedua, setelah Bahagian ini diselaraskan menjadi Bahagian tetap, mewakili Kawasan Pilihanraya Sri Gading. Oleh itu, Mesyuarat ini mempunyai erti yang besar kerana pada peringkat ini, parti kita UMNO berada di tengah-tengah pergolakan yang memerlukan sokongan, persefahaman, perpaduan dan kezaman saudara-saudara sekalian.

4. Saya mengatakan demikian, kerana dalam masa beberapa bulan yang lepas, sejak berpulanginya ke Rahmatullah, Allahyarham Tun Abdul Razak, banyak persoalan telah timbul mengenai UMNO dan pemimpinnya, banyak issue yang telah ditimbulkan. Banyak desas-desus dan fitnah telah ditaburkan. Semuanya ini ada mempunyai tujuan tertentu. Ini menyebabkan parti kita, pada pandangan orang luar dan dalam negeri, menghadapi satu cabaran, satu krisis, yang memerlukan kita bertindak dan mengambil keputusan, yang tegas. ~~Belum pernah dalam sejarah parti kita keadaan seperti ini berlaku.~~ Oleh itu, penjelasan

yang benar dan tepat patutlah diberikan kepada setiap ahli kita supaya mereka faham akan kedudukan sebenar terutama dalam konteks perpaduan UMNO dan Barisan Nasional.

5. Saya amat sukacita kerana ahli-ahli UMNO Bahagian ini adalah sentiasa patuh dan tidak lari dari landasan perjuangan parti kita. Dalam hubungan ini, saya sangat menghargai akan ikrar patuh pada pimpinan dan dasar parti seperti yang diberikan ~~kepada saya~~ baru-baru ini. Cara seperti ini sangatlah sesuai dengan tradisi kita. Orang-orang Melayu menghargai^{dan} memberikan keutamaan kepada sifat-sifat ketuaan, yang sepatutnya menjadi contoh dan amalan kepada

angkatan perjuangan kita sekarang, muda dan tua.

Saudara-saudara sekalian,

6. Saya sebutkan tadi, UMNO dianggap menghadapi krisis. Ada pula yang mengatakan krisis dalam parti adalah tanda kematangan atau kedewasaan pemikiran. Ada pula yang mengatakan bukan parti yang krisis, tetapi pemimpinnya. Walau apa pun tafsiran yang diberikan, pada hemat saya, UMNO menjalani satu peringkat dalam sejarahnya yang memerlukan satu ketegasan, memerlukan satu tenaga untuk menentukan ke arah mana ia akan pergi.

7. Saya setuju dengan pendapat bukan parti yang krisis. UMNO, dengan perlembagaan dan disiplinnya, UMNO dengan sejarah perjuangan dan kegemilangannya, UMNO dengan pengaruh dan kekuatannya tetap kukuh. Setengah-tengah ^{gubungan} ~~pemimpin~~ saja yang mahu ia lemah. Setengah ^{2 gubungan} ~~pemimpin~~ saja yang mahu berpaut dan bergayut dengan UMNO kerana kedudukannya ^{mereka} ~~mereka~~ lemah. Inilah yang menyebabkan kita riuh, ribut dan ada pula yang telah hampir hilang pegangan. ~~lagi~~.

Saudara-saudara sekalian,

8. Dalam hubungan inilah, saya ingin membuat sedikit penjelasan mengenai kedudukan

Note. This para not to be included in copy to Press.

parti kita, supaya dapat difahami dan dipastikan. Pertamanya, bagi diri saya sendiri, pimpinan parti dan Kerajaan ini telah diletakkan kepada saya, sebagai satu beban tanggungjawab yang tidak dapat saya tolak dan elak lagi.

Ini bukanlah suatu perkara yang saya kehendaki. Ini bukanlah sesuatu yang pernah saya cita-cita dan mimpikan. Tetapi, ini merupakan satu takdir Tuhan, yang telah dipikul dan diamanahkan kepada saya untuk memimpin parti dan Kerajaan, pada saat-saat yang sungguh penting dan genting, dalam sejarah negara kita.

Saudara-saudara sekalian,

9. Kepada saya, tanggungjawab dan tugas yang

diberikan itu sangatlah berat. Tidaklah ada pilihan bagi saya, kecuali menerima cabaran dan tugas itu, dengan sepenuh keyakinan, bahawa saudara-saudara, ahli parti dan rakyat sekelian tetap berada bersama-sama dengan saya. — Bersama-sama dengan pucuk pimpinan. — — — Bersama-sama dengan parti, pada ketika kita memerlukan sokongan yang erat ini. ^{Kita} ~~Saya~~ menghadapi cabaran ini, dengan keyakinan bahawa biar apa pun rintangan dan halangan yang dihadapi, tetapi bahtera perjuangan UMNO, tetap kita layarkan untuk menuju masa hadapan yang kita idam-idam, terutama mengenai keselamatan dan kesejahteraan, semua rakyat negara ini.

10. Saya sedar ada kecaman secara langsung atau tidak telah dibuat terhadap ~~saya~~. Tetapi saya juga sedar banyak sokongan yang telah diberikan kepada ~~saya~~ dalam menghadapi masalah yang timbul ini. Alhamdulillah, dengan berkat ketabahan, perpaduan serta sokongan yang diberikan itu, kita akan dapat menghadapi ~~Perhimpunan Agong UMNO dalam bulan Julai akan datang ini~~, dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

~~11. Saya mengemukakan hal-hal ini kepada ahli-ahli UMNO bahawa dalam Perhimpunan Agong itu kelak, adalah menjadi kebebasan dan hak perwakilan untuk mengemukakan pendapat, pandangan~~

~~hatta sekalipun mereka bertujuan untuk menyatakan undi tidak percaya kepada saya. Saya meneliti perkara ini dan saya tetap berdiri teguh menghadapi segala cabaran dan cubaan itu dengan segala implikasinya.~~

~~12. Sebenarnya, saya rela untuk melepaskan tanggungjawab sebagai pemimpin parti dan Kerajaan ini, sekiranya parti berkehendakkan seorang yang lebih baik yang lebih dinamis untuk memimpin. Saya rela untuk digulingkan dengan cara yang teratur dan sihat, demi menjaga kepentingan dan kedudukan negara seluruhnya. Saya pegang penuh kepada dasar bahwa kita datang daripada rakyat dan rakyatlah~~

~~yang menentukan nasib pemimpin. Saya tidak bermaksud untuk memegang kuasa semata-mata untuk memegang kuasa. Pada saya, kuasa itu tidak bermakna. Kuasa itu, menurut falsafah Allahyarham Tun Razak, merupakan satu tanggungjawab. Inilah juga falsafah saya untuk dijadikan panduan dalam memimpin parti dan Kerajaan.~~

Saudara sekalian,

13. Di masa-masa yang lepas ini, timbul beberapa gerakan yang bertujuan memperbetulkan parti, tetapi sebenarnya perbuatan itu melemahkan perpaduan parti. Ada di antara ahli-ahli parti kita yang sengaja, berdasarkan kepada

kepentingan diri atau puak, menyebarkan fitnah menghasut ahli ~~Perwakilan~~ cawangan dan ^b Bahagian, untuk menjalankan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak dan aliran parti. ~~Kita tahu siapa mereka ini. Kita tahu apa tindak-tanduk mereka. Dan kita tahu apa tujuan mereka berbuat demikian.~~ Tetapi gulungan mereka ini adalah kecil dan ~~terdiri daripada mereka yang saya anggap sebagai frustrated~~, yang tidak mahu tampil ke hadapan secara ^{terus} terang, menghadapi kenyataan. Syukurlah, sebilangan besar daripada ahli-ahli patuh kepada parti, tetap ada bersama-sama pemimpin, kerana sudah menjadi tradisi UMNO, apa juga yang telah berlaku kepada pemimpin, parti itu tetap utuh, tetap menjadi

pegangan dan sandaran setiap rakyat. Mengikut hemat saya, seperti yang saya sebutkan tadi, bukan parti itu yang krisis, tetapi yang menimbulkan krisis ialah segelintir manusia yang cuba menegakkan benang basah, yang cuba menimbulkan issue untuk menegakkan kepentingan mereka sahaja.

Saudara-saudara,

14. Ada juga kata-kata yang menyebut bahawa di bawah pimpinan saya, UMNO telah berpecah-belah. UMNO telah lumpuh dengan krisis. UMNO telah tidak tentu haluan ke arah mana yang hendak dituju. Sebenarnya, pimpinan saya dalam parti dan Kerajaan, pada hakikatnya, hanya berusia 100 hari. Dalam tempoh yang muda seperti

ini, di mana kita telah menghadapi beberapa issue yang ditimbulkan oleh golongan yang tidak puas-puas hati, yang cuba menimbulkan gejala-gejala parti dalam parti, kurang tepatlah untuk mengukur kesanggupan saya dan haluan parti yang saya pimpin. Patut juga diketahui bukan masalah parti saja yang perlu saya hadapi, tetapi soal negara dan ^{soal} antarabangsa!

15. Saya telah cuba membetulkan keadaan yang berlaku ini dengan mengambil beberapa keputusan yang mungkin dianggap sebagai kurang bijak atau tidak menasabah. Saya sanggup menerima pandangan ini, tetapi biarlah pandangan itu diberikan sesuai dengan tempat dan semangatnya.

Saudara-saudara,

16. Dalam menghadapi masalah parti dan negara, kita terpaksa bertindak membuat keputusan. Ada kalanya keputusan yang diambil itu terlalu keras. Tetapi, pada hemat saya, satu keputusan yang tegas, samada bijak atau tidak, pada pandangan setengah orang, adalah lebih baik daripada tidak membuat keputusan langsung atau membiarkan issue-issue yang timbul itu diteruskan, sehingga melemahkan perpaduan kita, melemahkan tunjang kekuatan UMNO dan Barisan Nasional, seperti adanya anai-anai bergerak di bawah tanah, memakan pokok rendang atau rumah yang telah dibina.

Kita perlulah mengambil keputusan itu, berdasarkan kepada prinsip yang kita tentukan. Dalam hal ini, kita tidak ada pilihan lain selain daripada bertindak dan bertindak segera, secara tegas dan tidak teragak-agak. ^{Kita} ~~Saya~~ bertindak atas keputusan yang bersih dan tidak terpengaruh oleh keinginan menganiaya. *sesiapa jua.*

~~17. Hanya sanya yang perlu difaham dan diingat oleh setiap ahli ialah bahawa keputusan yang telah kita ambil berdasarkan kepada prinsip yang telah ditentukan oleh Parti. Berdasarkan kepada apa yang kita sifatkan sebagai kebenaran dan bukan dengan niat memuaskan hawa nafsu ataupun dengan tujuan~~

~~hendak melumpuhkan seseorang pemimpin yang dianggap pemimpin. [Saya telah bertanya kepada diri saya meminta taufik dan hidayah daripada Tuhan, tentang apakah keputusan yang patut saya ambil dan lakukan. Keputusan yang telah diambil itulah yang saya laksanakan, dengan penuh keyakinan bahawa saya akan bertanggungjawab di atas akibat dan segala sesuatu yang timbul daripadanya.]~~

Saudara-saudara,

18. Satu perkara yang mustahak dalam konteks pimpinan parti ialah pimpinan yang tidak berasaskan kepada kebendaan. Kita telah melihat akan gejala-gejala yang telah timbul, akibat pimpinan yang berdasarkan

kepada kebendaan ini, yang telah dapat mempengaruhi sebilangan besar daripada pemimpin kecil di peringkat Bahagian dan Cawangan untuk mengharapkan sesuatu daripada pemimpin jenis itu. Keadaan seperti ini, pada hemat saya, telah berjalan sebegitu lama, sehinggakan pemikiran rakyat, penilaian rakyat didasarkan kepada kemampuan seseorang pemimpin itu samada^{ia} dapat memberikan sesuatu, untuk kepentingan dan faedah seseorang. Keadaan ini adalah jauh menyimpang daripada semangat perjuangan kita di masa lepas, di mana arus perjuangan tersebut tidak diasaskan kepada ~~perjuangan pemberian upah kebendaan.~~ berkehendakkan sesuatu daripada pemimpin yang bersifat kebendaan. Inilah semangat dan asas

perjuangan yang perlu kita kembalikan, supaya setiap langkah yang kita jalankan, setiap perbuatan kita, sentiasa dinilai oleh ahli-ahli dengan semangat dan khidmat yang benar dan bukan dari landasan yang saya maksudkan itu.

19. Pimpinan yang berdasarkan kebendaan ini telah menimbulkan banyak problem di mana keutuhan seseorang pemimpin itu dijadikan perbandingan ~~daripada yang lain~~. Saya rasa, kalau keadaan seperti ini berjalan terus, akibatnya akan mendatangkan keburukan kepada kita dan parti kita. Dalam hubungan inilah saya mengharapkan supaya ahli-ahli UMNO memberikan satu penilaian baru, memberikan satu

perhitungan yang lebih matang, memberikan nilai-nilai supaya perjuangan kita di masa akan datang, akan sentiasa diwarisi oleh generasi ^{depan,} ~~kita~~, sebagai perjuangan yang tidak dinodai oleh apa jua faktor yang bersifat kebendaan.

20. Saya sedar bahawa ini bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi sekiranya ahli-ahli kita membulatkan tekad, membaharui keazaman dan cuba memperbaiki keadaan yang telah rosak ini, saya yakin kita akan dapat membawa perubahan yang dimaksudkan itu. Disamping itu, negara kita akan dapat faedah hasil daripada perubahan dan penyesuaian sikap yang dijalankan oleh setiap ahli. Saya berharap perkara ini akan dapat kita perbaiki tanpa berlengah-lengah lagi.

Menuju kepada tujuan inilah saya berharap UMNO

Bahagian ini akan menjadi pelopor dalam semangat pembaharuan dan perbaikan itu.

Ukurlah pemimpin dari segi khidmat dan keupayaannya. Nilailah pemimpin itu dari segi memperjuangkan kemurnian dan keluhuran parti *kita*.

Saudara-saudara sekalian,

21. Beralih kepada masaaalah negara, saya inginlah menyatakan mengenai soal keselamatan negara kita. Sekalipun kegiatan pengganas komunis di akhir-akhir ini tidak menampakkan bayangan yang mereka itu bergerak cergas secara nyata, tetapi perlulah kita sentiasa waspada, perlulah kita sentiasa beringat

bahawa tujuan mereka itu, selain daripada membuat huru hara dalam negara, cuba menimbulkan kekacauan dan melemahkan semangat dan keyakinan rakyat. Mereka juga bertujuan menjadi ^{kan} negara ini sebuah negara komunis. Inilah tujuan besar mereka. Inilah hasrat mereka. Oleh itu, saya berseru kepada setiap rakyat supaya memberikan sumbangan, memberikan sokongan sepenuhnya terhadap pasukan keselamatan kita, memberikan nilai dan harga terhadap mereka yang berkorban dan berjuang menentang pengganas komunis dan subversif itu. Dengan cara ini, saya percaya, kita akan dapat menghadapi ancaman keselamatan itu dengan penuh tabah serta mencapai tujuan kita untuk

mewujudkan perpaduan, keamanan dan kesejahteraan di kalangan rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

22. Menyentuh mengenai soal ekonomi, seperti yang saudara-saudara sekalian maklum, Kerajaan akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti yang telah saya umumkan semalam, UMNO bercadang mengadakan satu Seminar Ekonomi untuk mengkaji setakat mana kejayaan yang telah kita capai dalam rancangan Malaysia Kedua. Saya bercadang hendak membuat satu analisa dan perhitungan, secara jujur dan ikhlas, menentukan di mana kesilapan dan kelemahan kita. ~~Menentukan di mana adanya perbuatan sabotaj, secara~~

~~langsung atau tidak sengaja dari mana-mana pihak jua, supaya kelemahan ini kita hadapi dengan penuh pengertian supaya dapat kita membetulkannya dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga kelak.~~

23. Dalam apa juga hal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, tentulah tidak kurang kesilapan dalam beberapa perkara. Kesilapan ataupun kekurangan ini, diantaranya bukan dengan sengaja dilakukan, tetapi ada faktor lain yang diantaranya juga adalah di luar kemampuan dan kebolehan kita.

24. Oleh itu, dalam Seminar yang dimaksudkan itu, saudara-saudara akan berpeluang

mengatur semula akan keadaan yang telah tercapai, yang telah diambil serta juga menentukan apakah perkara yang patut diperbaiki dan diperhebatkan, dalam rancangan seterusnya.

Saudara-saudara sekalian,

25. Saya percaya, akan ada peluang dan masa bagi kita untuk meneliti hal-hal ini supaya apa yang dikatakan kelemahan dan kekurangan itu dapat diatasi. Saya harap saudara akan menghadapi rancangan yang ditentukan oleh Kerajaan itu dengan penuh kesedaran. Di samping itu, bagi pihak rakyat pula, hendaklah bersedia memikul tanggungjawab

menjalankan tindakan yang sesuai dengan peredaran zaman dan sesuai dengan kehendak dan cita-cita rakyat negara kita.

26. Dalam hubungan ini, saya sukacita kerana kita telah membuat satu kajian sosio-ekonomi bagi kawasan Sri Gading ini, dan Pergerakan Pemuda Bahagian telahpun membincangkannya. Saya diberitahu bahawa beberapa projek ekonomi boleh diwujudkan berasas kepada kajian tersebut. Sekiranya projek ini menasabah, adalah diharap dapat dimasukkan ke dalam Rancangan ^{Kerajaan} ~~Malaysia Ketiga~~ kelak.

27. Sebagai penutup, saya harap rakyat kawasan ini benar-benar faham atas tugas dan

kewajipan serta kedudukan saya, dan pada setiap masa akan memberikan kerjasama dan sokongan penuh kepada Kerajaan, supaya saya dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab saya dengan licin dan sempurna, demi kepentingan bangsa dan negara seluruhnya. Saya sukalah melihat supaya kawasan ini menunjukkan contoh dan tauladan yang baik dalam apa jua lapangan dan kegiatan, supaya dapat memberi perangsang dan galakan yang lebih kepada diri saya menjalankan tugas di samping boleh menjadikannya satu kebanggaan dan kemegahan kita bersama.

28. Sebagai Ketua Parti dan Kerajaan, saya sentiasa mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan negeri, mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan diri, dan saya harap kepada pemimpin dan rakyat negeri Johor ini khasnya, sentiasa mempunyai sikap yang sama dan harus menghapuskan sama sekali semangat dan perasaan kedaerahan, jauh sekali daripada berpuak-puak atau berkomploit. Inilah sebaik-baik jalan bagi kita mengekalkan keutuhan dan kekuatan kita, di masa ini dan masa akan datang.

29. Dalam hubungan ini saya sukalah menyeru kepada seluruh rakyat dan penduduk Malaysia dari apa bangsa, keturunan serta parti

sekalipun, ~~supaya menggenepi atau menyingkirkan~~
~~semangat atau perasaan perkauman dan~~
~~kedaerahan atau kenegerian dan hendaklah~~
pada ^{supaya} setiap masa menganggap diri mereka
sebagai rakyat tulin negaraini ⁱⁿⁱ dengan menumpukan
sepenuh taat setia serta berpegang teguh
kepada amalan prinsip-prinsip Rukunegara.

30. Akhirnya, saudara-saudara, saya merasa
syukur dengan semangat dan keazaman saudara
untuk memperkuat parti, memberikan makanan
dan kekuatan kepadanya supaya UMNO tetap
menjadi lambang perjuangan kita dan sentiasa
menjadi tunjang kekuatan Barisan Nasional.

31. Dengan kata pesanan inilah, saya dengan
sukacitanya meresmikan mesyuarat perwakilan
Bahagian Sri Gading ini dan mendoakan ia
berhasil. Terimakasih.

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No Siri	181
No Penerimaan	3/78